

KERJASAMA PERDAGANGAN SERANTAU ASEAN: IMPIAN DAN REALITI

Mohamed Aslam

Pendahuluan

Perkembangan perdagangan dunia telah membuka era baru dalam tahun 1980an dengan kemunculan blok-blok perdagangan atau pakatan antara negara-negara dalam menubuhkan kesatuan serantau. Masalah kemelesetan ekonomi dunia dalam tahun 1980an, kegagalan rundingan perdagangan Tokyo dalam meningkatkan pertumbuhan perdagangan di negara-negara maju melalui liberalisasi perdagangan dan kegagalan pencapaian rundingan Uruguay di Punta Del Esta, September 1986, merupakan punca kepada perkembangan ini. Perluasan penguasaan Jepun dalam ekonomi dunia dan kemunculan negara-negara perindustrian baru di Asia Timur, Korea Selatan, Taiwan, Singapura dan Hongkong yang telah menggugat kebolehsaingan Amerika Syarikat dan Eropah Barat juga merupakan faktor kepada perkembangan tersebut. Untuk memastikan pertumbuhan perdagangan serta mengatasi masalah defisit perdagangan kebanyakan negara-negara maju Utara, maka berbagai halangan perdagangan bukan berbentuk tarif telah dikenakan. Ini termasuklah duti anti lambakan, duti timbal balas serta pengetatan penguatkuasaan peraturan perdagangan seperti kesihatan, keselamatan dan lain-lain. Penubuhan pakatan perdagangan juga merupakan strategi untuk mendiskriminasikan barangan negara luar daripada pakatan berkenaan.

Pakatan perdagangan telah dimulai dengan penubuhan Komuniti Eropah atau *European Community* (EC) pada tahun 1957 dan diikuti oleh beberapa pakatan perdagangan seperti *European Free Trade Area* (EFTA) yang dianggotai oleh Sweden, Austria, Luxemburg, Switzerland dan Finland, CARICOM di Kepulauan Carribean, LAFTA di Amerika Selatan dan lain-lain lagi. Sehingga kini terdapat 22 buah pakatan perdagangan yang masih berfungsi. Ini termasuklah tiga di Eropah (*European Economic Area* yang menggabungkan EC dan EFTA), lapan di Benua Amerika dan Kepulauan Carribean, lapan di Benua Afrika dan lima di Asia Pasifik dan Asia Barat.

Di dalam bidang perdagangan antarabangsa terdapat bentuk-bentuk pakatan perdagangan, kesatuan perdagangan serantau dan kerjasama ekonomi. Kesatuan perdagangan serantau adalah satu proses untuk menghapuskan diskriminasi di antara barangan tempatan dan import, perkhidmatan dan sektor-sektor ekonomi yang lain dalam sesuatu kumpulan negara.¹ Proses ini sekurang-kurangnya akan melalui empat tahap iaitu Kawasan Perdagangan Bebas (*Free Trade Area*), Kesatuan Kastam (*Custom Union*), Pasaran Bersama (*Common Market*) dan Kesatuan Ekonomi (*Economic Union*). Perikatan dan kerjasama negara-negara

dalam kumpulan adalah kukuh. Kerjasama ekonomi pula melibatkan pengurangan diskriminasi atau peraturan- peraturan perdagangan dan pelaburan yang melibatkan sektor-sektor tertentu untuk kepentingan bersama. Walau bagaimanapun skopnya adalah lebih terbatas berbanding dengan kesatuan serantau. Malahan kerjasama ekonomi adalah lebih kepada pengliberalan perdagangan dan pelaburan yang dapat mengurangkan jurang kos urusan antara sektor-sektor swasta.² Perikatan negara-negara yang termasuk dalam jenis ini adalah longgar.

Kesatuan perdagangan serantau lebih merupakan pakatan negara-negara jiran seperti negara-negara Eropah dengan Komuniti Eropah (EC) dan Kawasan Perdagangan Bebas Eropah, kini dengan Pasaran Tunggal Eropah, NAFTA - Amerika Syarikat, Mexico dan Kanada, manakala di Asia ASEAN lebih dikenali. Pakatan kerjasama ekonomi pula bukan sahaja melibatkan negara-negara jiran tetapi juga melibatkan negara-negara lain dan di antara negara membangun dan maju. Forum Kerjasama Ekonomi Pasifik (APEC) yang melibatkan 17 buah negara dari ASEAN, Amerika Utara, Asia Timur, Papua New Guinea dan Chile dan Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik (PECC) - ASEAN dan Asia-Pasifik adalah contoh-contoh yang terdapat ketika ini.

ASEAN dan Kerjasama Ekonomi

Dalam tahun 1967, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand telah membentuk pakatan Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara atau ASEAN. Negara Brunei Darussalam menganggotai ASEAN dalam tahun 1984 dan Vietnam dalam tahun 1992. Objektif utama ASEAN adalah untuk mengukuhkan keamanan dan keselamatan di rantau ini.

Pertumbuhan ekonomi di negara-negara ASEAN secara keseluruhannya amat memberangsangkan terutamanya pada akhir 1980an dan awal 1990an. Pertumbuhan ekonomi Singapura 1980-86 sebanyak 5.4% telah meningkat kepada 9.5% pada 1986-90 dan 8.2% bagi 1990-95; Indonesia 3.5% (1980-86), 6.4% (1986-90) dan 6.8% (1990-94); Thailand 4.8% (1980-86), 11.2% (1986-90) dan 8.4% (1990-94); Filipina -0.9% (1980-86), 4.8% (1986-90) dan 2.3% (1990-94); Malaysia 4.8% (1980-86), 8.1% (1986-90) dan 8.8% (1990-94). Pertumbuhan sektor perindustrian juga amat menggalakkan. Bagi tempoh 1986-90 pertumbuhan sektor perkilangan Singapura adalah sebanyak 13.6%, Indonesia 7.0%, Thailand 15.8%, Filipina 6.3% dan Malaysia 10.7%.³ Sektor perkilangan yang lebih berorientasikan eksport amat bergantung kepada kemasukan modal asing. Pelaburan asing di negara-negara ASEAN telah meningkat dengan ketara selepas perjanjian Plaza Accord 1986 untuk mengubahsuai kadar pertukaran yang telah mengakibatkan nilai yen Jepun naik berbanding dengan dolar Amerika dan dengan matawang negara-negara ASEAN.

ASEAN lebih bersaing di antara satu sama lain berbanding dengan menjadi penganap. Perbezaan paras atau tahap pembangunan antara negara-negara ASEAN disebabkan oleh perbezaan dalam perolehan atau sumber-sumber ekonomi dan proses pembangunan perindustrian termasuk strukturnya. Sejak merdeka setiap negara cuba berdikari dalam melaksanakan polisi perindustrian untuk membangunkan negara tanpa bergantung antara satu sama lain. Hasilnya semua negara, kecuali Brunei, telah dapat membangunkan berbagai-bagai tahap dan jenis industri daripada industri ringan kepada industri berat. Maka polisi perindustrian dalam negara masing-masing telah digalakkan tanpa usaha untuk meningkatkan saling bergantung dan kerjasama di antara satu sama lain.

ASEAN sebenarnya berjaya dalam menggalakkan kestabilan politik dan kerjasama antara negara-negara anggota samada dari segi politik, ekonomi dan keselamatan terutamanya persempadanan negara. Bagaimanapun catatan ASEAN dalam kerjasama ekonomi seperti kerjasama industri/pelaburan dan pengliberalan perdagangan masih kurang bererti. Kerjasama ekonomi ASEAN bermula selepasnya deklarasi ASEAN pada bulan Februari 1976 di Bali, Indonesia yang telah mencadangkan program-program kerjasama termasuk perindustrian dan perdagangan. Kerjasama ASEAN dalam industri telah ditandatangani dan bermula pada tahun 1978 dengan Projek Industri ASEAN (AIP). Industri berskel ekonomi dan industri berat diberi penekanan bagi mewujudkan pengkhususan industri dan juga membangunkan pasaran bersama serantau. Projek yang telah dijalankan termasuklah pengeluaran baja urea di Indonesia pada tahun 1984 dan di Malaysia pada tahun 1986. Projek pengeluaran baja fosfat, palpa dan keluaran kuprum di Filipina, serbuk soda (*soda ash*) di Thailand dan injin disel dan vaksin hepatitis B di Singapura masih belum diputuskan lagi.

Kerjasama Industri ASEAN (AIC) telah dimeterai pada tahun 1981 atas inisiatif Dewan Perniagaan ASEAN. Negara-negara anggota yang mengeluarkan produk berbeza dalam industri tertentu telah menawarkannya berasaskan kepentingan bersama. Industri otomobil yang telah dipilih sebagai projek berasaskan konsep kereta ASEAN telah digantung kerana masalah pembahagian pengeluaran antara negara anggota tidak dapat dicapai. AIC yang kemudiannya diperkemas sebagai Usahasama Industri ASEAN (AIJV) telah dimeterai pada tahun 1983. AIJV menggalakkan usahasama sektor swasta dalam rantau ini dengan memberikan keutamaan dari segi pemotongan tarif dan hal-hal lain yang berkaitan. Usahasama mesti melibatkan syarikat swasta daripada dua atau lebih negara anggota dan nisbah pelaburan campuran negara anggota mesti mencapai 51% atau lebih. Sehingga 1992, kelulusan berdasarkan AIJV telah diberikan kepada 22 buah projek dan 14 daripadanya telah beroperasi. Sistem ini telah diubahsuai dalam tahun 1992 sebagai persediaan penubuhan AFTA.

Perjanjian *Brand-to-brand Complementation* (BBC) dicapai dalam bulan

Oktober 1988 tetapi Indonesia masih belum melibatkan diri. Setakat ini perjanjian hanya ditumpukan kepada industri otomobil. Tarif ke atas alat ganti dan komponen kereta yang dikeluarkan dalam ASEAN dikurangkan paling minima 50%. Ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Industri dan Tenaga ASEAN. Inisiatif sektor swasta dalam industri otomobil dan bidang yang mana negara anggota mempunyai keinginan untuk menjalankan pengeluaran domestik digalakkan. Malaysia dan Thailand telah menandatangani kerjasama industri otomobil pada tahun 1994 berdasarkan prinsip BBC.

Kerjasama ASEAN dalam perdagangan berdasarkan kepada Skim Keutamaan Perdagangan atau *Preferential Trading Arrangement* (PTA) telah dicadangkan di bawah deklarasi ASEAN 1976. Perjanjian PTA telah ditandatangani pada 24 Februari 1977 dan dilaksanakan pada tahun 1978. Jumlah barang yang diberikan keutamaan dari segi pemotongan kadar cukai import (tarif) meningkat dari tahun ke tahun. Contohnya, Malaysia telah menawarkan pemotongan kadar tarif ke atas 158 jenis produk pada tahun 1978, meningkat kepada 2148 pada tahun 1983, 3755 pada tahun 1988 dan 4809 pada tahun 1992. PTA merupakan salah satu bentuk pakatan perdagangan yang longgar. Kerjasama tidak begitu erat walaupun terdapat skim keutamaan perdagangan diberikan dalam bentuk pemotongan kadar tarif (cukai import). Pemotongan kadar tarif yang diberikan adalah di antara 10% hingga 50% atau pengecualian langsung. Pada mulanya bentuk pengurangan kadar tarif ini mengikut pendekatan 'product-by-product' tetapi memandangkan kaedah ini tidak meningkatkan perdagangan intra-ASEAN maka pendekatan 'across-the-board' dilaksanakan pada tahun 1981. Hanya produk yang dikeluarkan dalam negara ASEAN diberikan keutamaan mengikut peraturan 'rule of origin'. Kesan kerjasama PTA ini sebenarnya tidak berupaya meningkatkan pertumbuhan perdagangan intra-ASEAN. Ini jelas ditunjukkan dalam Jadual 1. Boleh dikatakan peratusan perdagangan antara anggota-anggota ASEAN tidak begitu memberangsangkan. Kadar kenaikan, jika berlaku, adalah dengan peratusan yang kecil.

Perdagangan di antara negara-negara ASEAN (export) sebagai peratusan daripada jumlah keseluruhan perdagangan pada tahun 1991 sebanyak 20% adalah lebih kurang sama dengan tahun 1970.⁴ Ini menunjukkan pertumbuhan perdagangan tidak meningkat walaupun sudah terdapat kerjasama perdagangan melalui Urusan Perdagangan Keutamaan. Jika eksport Singapura dengan negara ASEAN diketepikan, maka perdagangan intra-ASEAN turun dari 3.9% pada tahun 1970 kepada 3.6% pada tahun 1991.⁵ Berdasarkan senarai barangan di bawah PTA hanya 2.6% daripadanya diperdagangkan yang bersamaan dengan 19.0% nilai sebenar perdagangan intra-ASEAN pada tahun 1987.⁶

Jadual 1: Perdagangan Intra ASEAN (% daripada jumlah dagangan)

Negara	1970	1980	1990	1992	1194
Brunei	-	-	0.8	1.0	1.4
Indonesia	14.7	12.6	9.1	13.0	9.0
Malaysia	20.5	19.7	24.2	26.7	24.7
Filipina	3.3	6.3	8.7	8.5	3.3
Singapura	28.7	25.5	22.2	30.7	49.9
Thailand	7.4	12.4	12.0	14.7	13.0
Jumlah	17.2	17.8	17.7	20.8	20.0

Ada beberapa faktor yang telah menyumbang kepada keadaan sedemikian. Pertama, komitmen yang diberikan oleh negara-negara anggota ASEAN terhadap perdagangan intra-ASEAN tidak memuaskan. Sebahagian besar perdagangan lebih ditumpukan kepada pasaran-pasaran besar terutamanya Amerika Syarikat, Jepun dan negara-negara maju Eropah kerana ia lebih menguntungkan. Malah negara-negara tersebut merupakan rakan dagangan utama. Kedua, kebanyakan kadar tarif yang dikurangkan adalah ke atas produk yang tidak berkenaan atau tidak dikeluarkan oleh negara tersebut. Ketiga, bagi produk-produk yang dikeluarkan oleh negara-negara anggota ASEAN kadar tarifnya masih tinggi untuk melindungi industri tempatan. Kadar tarif komoditi-komoditi keluaran utama yang mewakili sebahagian besar perdagangan negara anggota seperti beras, gula, minyak kelapa, kopi dan makanan laut yang menjadi sumber pendapatan besar rakyat sesebuah negara itu adalah tinggi. Sebahagiannya pula dikecualikan dari skim PTA kerana perjanjian PTA ASEAN menyingkirkan komoditi utama yang mewakili sebahagian besar perdagangan intra-ASEAN.

AFTA

Di akhir 1980an dan awal tahun 1990an perkembangan ekonomi telah memperlihatkan haluan ke arah kerjasama serantau/pakatan ekonomi (terutamanya negara-negara maju). Perkembangan ini sebenarnya boleh menyekat pertumbuhan eksport negara-negara ASEAN kerana sebahagian besar daripada ekport menuju ke arah negara-negara berkenaan. Blok-blok perdagangan muncul di negara maju iaitu NAFTA dan Kesatuan Ekonomi Eropah di mana negara anggota dalam kedua-dua blok perdagangan ini merupakan rakan dagangan utama khususnya Amerika Syarikat, United

Kingdom dan Republik Persekutuan Jerman. Perkara ini memberi kesan ke atas ekonomi ASEAN yang cuba memperkembangkan eksport barang perkilangan. Tambahan pula ketidakpastian terdapat mengenai pembangunan sektor perindustrian di mana kebanyakan negara ASEAN bergantung kepada modal asing seperti Jepun, Korea Selatan dan Taiwan. Di samping itu pula, sebahagian besar daripada negara-negara di Asia Pasifik mula mengubah haluan kepada ekonomi liberal seperti China dan negara-negara Indo-Cina yang bakal menjadi pesaing kepada ASEAN. Ini akan mengalihkan perdagangan dan pelaburan daripada negara maju kepada negara-negara Asia Timur dan Pasifik yang lain dan juga NAFTA.

Memandangkan ekonomi dunia mulai berpecah kepada blok-blok perdagangan disamping berbagai-bagai jenis kerjasama dalam bidang ekonomi terutamanya perdagangan, maka pada tahun 1992 ASEAN telah menunjukkan komitmen baru untuk meliberalkan perdagangan melalui *Common Effective Preferential Tariff* (CEPT) dan seterusnya mewujudkan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) pada tahun 2008. Draf AFTA tidak komprehensif dan tidak secara terperinci menerangkan program pengliberalan perdagangan. Perjanjian CEPT kurang daripada 10 halaman berbanding dengan NAFTA melebihi 2,000 halaman.⁷ Objektif penubuhan AFTA adalah untuk mencipta peluang-peluang pelaburan bagi memastikan kemasukan modal asing, mencipta pasaran serantau bagi meningkatkan pertumbuhan eksport kepada pasaran negara maju, mengukuhkan kebolehsaingan industri-industri negara-negara anggota dan meningkatkan pertumbuhan perdagangan antara negara anggota dan meningkat kerjasama dari segi pelaburan dan industri.

Ini merupakan kali pertama ASEAN melihat ke arah Kawasan Perdagangan Bebas walaupun sebelum ini penglibatan dalam pengliberalan perdagangan secara berhati-hati telah dilakukan melalui PTA. Ketua-ketua kerajaan ASEAN telah mengenalpasti 15 kumpulan barangan untuk dikurangkan kadar tarif bagi mempercepatkan proses liberalisasi dan untuk mengelakkan perbincangan/perundingan yang berlanjutan. Kumpulan-kumpulan berkenaan adalah minyak sayuran, semai, kimia, perubatan, baja, plastik, produk berasaskan getah, barangan kulit, palpa, tekstil, barangan kaca-seramik, barangan kemas, *copper cathodes*, barangan elektronik/elektrikal dan perabot berasaskan rotan dan kayu. Di samping itu jadual untuk mencapai FTA adalah selama 15 tahun (tetapi sekarang telah dikurangkan pada 9 tahun).

CEPT diperkenalkan hasil daripada pengemaskinian PTA di mana lebih luas lagi pengliberalannya, margin keutamaan yang lebih besar dan jumlah produk yang diliputi juga semakin besar. CEPT mempunyai dua kaedah dalam pengurangan kadar tarif iaitu secara cepat (*fast track*) dan secara perlahan/normal (*normal track*). Di bawah kaedah cepat, berdasarkan perjanjian pada tahun 1992, pencapaian FTA mengambil masa 10 tahun iaitu 2003. Bagi item atau barangan di mana kadar tarif asasnya adalah melebihi daripada 20%

pengurangannya adalah 10 tahun sehingga 2003. Manakala bagi barangan dengan kadar tarif di bawah 20% pengurangan disempurnakan sehingga tahun 2000. Dalam kaedah perlahan atau normal, kadar tarif yang melebihi 20% dikurangkan mengikut tiga peringkat iaitu kepada 20% sehingga tahun 2001, 15% sehingga tahun 2003, 10% sehingga 2005 dan FTA (0 - 5%) dalam tahun 2008. Untuk barangan di mana kadar tarifnya kurang daripada 20% pengurangan disempurnakan sehingga tahun 2003. Barangan yang diliputi dalam CEPT termasuk semua barang perkilangan, produk pertanian yang diproses dan barang modal berdasarkan klasifikasi perdagangan HS-6 digit. Bagaimanapun produk pertanian dikecualikan dalam CEPT. Tambahan pula, pengecualian dibenarkan pada HS8/9 digit sekiranya produk perkilangan anggota diandaikan sensitif.

Sebenarnya AFTA ditubuhkan berdasarkan ketidakpastian ekonomi dunia pada awal tahun 1990an dan juga masalah-masalah berkaitan dengan rundingan berbagai hala Uruguay, penwujudan Kawasan Perdagangan Bebas Eropah dan adanya masalah NAFTA. Ekonomi dunia di ambang bahaya kerana dikuasai oleh tiga bipolar iaitu Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun.⁸ Justeru itu AFTA boleh dilihat sebagai satu 'skim insuran' dalam konteks ini.⁹ Ketidakpastian ini juga membayangkan ASEAN tidak sepakat dalam menganggotai Kerjasama Ekonomi Asia Pacific (APEC). Tetapi selepas persetujuan mengenai Rundingan Uruguay pada 15 Disember 1993 dan perjanjian berkenaan ditandatangani pada bulan April 1994 di Marrakesh, maka pengubahsuaian dilakukan dalam perjanjian AFTA. Dalam perjanjian rundingan Uruguay, liberalisasi perdagangan dunia dipercepatkan, dimana kadar-kadar tarif kebanyakan produk dikurangkan kepada di bawah paras 5% (negara-negara maju), pengliberalan perdagangan dalam hasil keluaran pertanian dan penghapusan *Multi-Fibre Arrangement* (MFA) berkenaan dengan perdagangan tekstil dan pakaian. Di samping itu juga halangan-halangan bukan berbentuk tarif dikurangkan dan/atau ditukarkan dalam bentuk kadar tarif. Dalam rundingan Uruguay ini juga perjanjian mengenai perdagangan dalam sektor perkhidmatan diperkenalkan melalui *General Agreement on Trade in Services* (GATS).

Hasil rundingan Uruguay dan juga perbincangan mengenai APEC yang hendak mewujudkan kawasan perdagangan bebas pada tahun 2010/20 telah membuatkan Menteri-menteri Ekonomi ASEAN bersidang pada akhir tahun 1994 bagi menilai semula haluan AFTA. Anggota-anggota ASEAN bersetuju bagi mempercepatkan proses penubuhan kawasan perdagangan bebas dari tahun 2008 kepada tahun 2003. Majlis AFTA bersetuju bagi melaksanakan pemotongan kadar tarif baru bagi mempercepatkan CEPT dan juga untuk menyingkirkan halangan bukan berbentuk tarif. Sembilan puluh peratus daripada semua jenis barangan di kalangan ASEAN akan dikurangkan kepada 0-5% sehingga tahun 2003 supaya AFTA menjadi kenyataan dalam jangkamasa yang cepat. Sehingga tahun 2003, kadar tarif purata di ASEAN akan kurang kepada 2.63%. Kebanyakan negara-negara ASEAN akan mengurangkan kadar

tarifnya di bawah 4% pada tahun 2003 (Jadual 2).

Memandangkan negara-negara anggota ASEAN (kecuali Singapura dan Brunei) masih bersandarkan kepada komoditi keluaran pertanian, maka Menteri-menteri Pertanian ASEAN bersidang bagi mencari penyelesaian mengatasi masalah perdagangan dalam keluaran berasaskan pertanian. Ini adalah untuk memastikan supaya industri-industri hiliran berasaskan pertanian di negara-negara anggota tidak terjejas dengan wujudnya AFTA. Singapura dan Brunei tidak mempunyai masalah dalam AFTA kerana mereka bukan negara berasaskan pertanian. Malah kedua-dua negara berkenaan bersetuju kadar-kadar tarif dikurangkan dan penubuhan AFTA dipercepatkan.

Disamping itu objektif Menteri-menteri Pertanian bersidang adalah untuk memastikan penyediaan bekalan makanan yang stabil untuk 500 juta penduduk ASEAN. Rancangan mereka adalah untuk mengurangkan 60% daripada bahan makanan yang didagangkan yang bermula pada tahun 1996 tetapi langkah ini tidak menyentuh beras, gula dan minyak kelapa sawit. Ini adalah memandangkan bahawa sebahagian besar penduduk Thailand, Indonesia, Filipina dan Malaysia bergantung kepada komoditi-komoditi tersebut. Pengliberalan perdagangan dalam komoditi berkenaan akan menjejaskan pendapatan golongan berpendapatan rendah dalam negara-negara berkenaan. Malaysia telah menawarkan sebanyak 511 produk pertanian untuk dikurangkan kadar tarifnya. Terdapat 26 jenis barangan yang masih dikawal atau tidak termasuk dalam senarai 511 produk yang ditawarkan itu.

Jadual 2: AFTA - Kadar Tarif Purata

Negara	1993 (%)	2000 (%)	2003 (%)
Brunei	3.61	1.72	0.09
Indonesia	14.13	7.96	3.77
Malaysia	10.36	5.24	3.24
Filipina	8.25	5.08	1.67
Singapura	0.01	0.01	0.01
Thailand	20.04	10.59	2.63
ASEAN	10.43	5.60	2.63

Malaysia telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam merealisasikan AFTA. Jumlah produk yang ditawarkan dalam AFTA adalah sebanyak 8,840 unit dan barangan yang tidak dikurangkan kadar tarif berjumlah 1,860 unit

(jumlah produk ditawarkan ialah 11,331 unit). Di antara produk yang ditawarkan, sebanyak 5,344 unit dikenakan kadar tarif kurang daripada 5%, 4,222 unit kadar tarif di antara 5-20%, 1,020 unit kadar tarif melebihi 20% dan baki 745 unit dikenakan duti spesifik.

Masalah dan Prospek

Kesan daripada AFTA ini telah dapat meningkatkan perdagangan intra-ASEAN. Jumlah dagangan produk di bawah CEPT untuk tahun 1993 ialah AS\$64.376 billion dan jumlah dagangan termasuk semua produk ialah AS\$79.073 billion. Manakala pada tahun 1994, jumlah dagangan di bawah CEPT ialah AS\$92.582 billion dan jumlah dagangan termasuk semua produk ialah AS\$111.099 billion. Keadaan ini memberangsangkan berbanding perdagangan intra-ASEAN semasa di bawah PTA. Kenaikan ini di sebabkan oleh peliputan produk yang lebih luas dan termasuk keluaran oleh negara-negara anggota.

Penubuhan AFTA pada umumnya adalah penting. Kesatuan ekonomi serantau dengan saiz yang besar boleh mempunyai suara dalam komuniti/ politik antarabangsa dan berpengaruh dalam membentuk order ekonomi baru dunia. Syarat ini dipenuhi oleh Kesatuan Ekonomi Eropah yang terdiri daripada 12 ahli kesatuan Eropah dan enam negara kawasan perdagangan bebas Eropah (EFTA) yang telah muncul sebagai pasaran tunggal terbesar yang mewakili 44% daripada perdagangan dunia. Gabungan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan populasi Kesatuan Eropah (EU) lebih daripada AS\$30 billion dan 370 juta penduduk. Walaupun NAFTA dan AFTA kecil berbanding dengan EC dari segi saiz, tetapi mereka mempunyai kuasa mencukupi dari segi KDNK dan populasi untuk bersaing dengan EU dan boleh bersuara dalam komuniti dunia (penyuara EU-Jerman, penyuar NAFTA-Amerika Syarikat dan AFTA-Indonesia). Rantau Asia Tenggara (Pasifik) adalah kawasan pertumbuhan ekonomi yang dinamik di dunia. Kawasan ini mengeluarkan sebahagian daripada output dan menyumbangkan sebahagian besar kepada perdagangan dunia. Sekiranya pertumbuhan ekonomi semasa terus mantap, maka akhir kurun ke-21 sumbangan kawasan akan mencapai 20-25% peratus output dunia (jika kawasan Asia-Pasifik menyumbangkan 2/3 kepada output dunia). Dengan lain perkataan kawasan ini akan menjadi pusat pertumbuhan ekonomi dunia.

Jika berdasarkan pada cadangan awal penubuhan AFTA yang tidak melebihi 12 halaman menunjukkan tiadanya tanda-tanda komitmen yang sah di kalangan negara anggota ASEAN. Kejayaan AFTA bergantung sejauhmana komitmen yang diberikan oleh anggota-anggota ASEAN itu sendiri. Sekiranya adanya anggota yang lebih mementingkan pertumbuhan dan keuntungan perdagangan tanpa mengambil kira masalah ekonomi negara anggota yang lain maka keretakan dalam AFTA akan berlaku. Negara-negara seperti Singapura dan Brunei yang bukan berasaskan pertanian perlu bekerjasama dengan negara

anggota yang lain dalam memberi masa kepada negara-negara ini agar dapat memantapkan sektor keluaran ekonomi serta dapat menjamin kebajikan rakyat. Sebahagian industri terutamanya di Indonesia, Filipina dan Malaysia masih dilindungi oleh pihak kerajaan supaya dapat bersaing dengan negara asing dalam pasaran tempatan. Perlindungan ini adalah penting bagi memastikan sektor keluaran tidak terjejas dan tidak mengakibatkan kehilangan pekerjaan rakyat tempatan. Oleh itu mesti diadakan satu kompromi di kalangan negara anggota berkenaan. Juga ASEAN perlu mewujudkan satu badan atau mekanisma untuk menyelesaikan perbalahan perdagangan supaya ketegangan tidak berlaku.

Penwujudan blok-blok perdagangan akan mengurangkan perdagangan dunia secara keseluruhannya. Malah penubuhan AFTA akan menyebabkan beberapa buah negara anggota akan menghadapi masalah penyimpangan perdagangan. Pengurangan kadar tarif akan menyebabkan sesebuah negara mendapat keuntungan daripada pengurangan dari negara anggota. Sebaliknya negara anggota yang memberikan konsesi berbentuk tarif akan menghadapi masalah dalamimbangan dagangan yang dahulunya menguntungkan tetapi dalam AFTA menghadapi masalah defisit. Kejujuran negara anggota dalam menunaikan pengurangan cukai import masih boleh dipersoalkan. Kebanyakan industri-industri yang dibangunkan adalah industri baru dan memerlukan perlindungan daripada kerajaan. Walaupun terdapat negara anggota yang menurunkan kadar cukainya tetapi berkemungkinan tidak berkenaan dengan pengeluaran dalam ASEAN atau tidak berkenaan dengan perdagangan negara anggota berkenaan seperti yang berlaku semasa di bawah PTA.

Sekiranya AFTA menjadi kenyataan berkemungkinan pertumbuhan perdagangan yang dihasilkan adalah sedikit. Rakan perdagangan utama bagi kebanyakan negara-negara anggota masih lagi Jepun, Amerika Syarikat, United Kingdom dan Jerman. Pelaburan di ASEAN banyak datang daripada negara-negara tersebut selain dari Korea dan Taiwan.

Nota:

1. Balassa, B., 'Type of Economic Integration' dalam F. Malchup, *Economic Integration Worldwide, Regional and Sectoral*, New York, John Wiley & Sons, 1976.

2. Ramkishan S. Rajan, 'Regional Economic Cooperation Involving Developing Countries: Lessons from the Asia Pacific', *Development and International Cooperation*, Vol.11, June-December, 1995.

3. Junko Takeuchi, 'Effect of AFTA on ASEAN Industrial Structure', *RIM Pacific Business and Industries*, Vol.1, 1993.

4. Francisco D.A. Nadal de Simone, 'A Macroeconomic Perspective of AFTA's Problems and Prospects', *Contemporary Economic Policy*, Vol.XIII, April 1995.

5.*Ibid.*

6.Mohamed Ariff, 'AFTA - Another Futile Trade Area', Syarahan Perdana, Universiti Malaya, 1994.

7.Florian A. Albuero, 'AFTA in the Light of New Economic Development', *Southeast Asian Affairs 1995*, Singapore, ISEAS, 1995.

8.Robert L. Curry, Jr., 'AFTA and NAFTA - The Need for Open Regionalism', *Southeast Asian Affairs 1993*, Singapore, ISEAS, 1993.

9.*Ibid.*